

LUTUSAN MALAYSIA 16 Ogos 2002

556 graduan sulung KUiTTHO terima ijazah, diploma Isnin ini

BATU PAHAT 15 Ogos — Seramai 556 orang graduan sulung Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) di sini akan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada majlis konvokesyen pertama kolej itu, Isnin ini.

Mereka adalah 305 graduan ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan, sementara 251 lagi adalah lulusan diploma kejuruteraan serta pendidikan.

“Seramai 24 pelajar berjaya memperoleh ijazah Sarjana Muda kelas pertama pada konvokesyen sulung ini,” kata Rektor KUiTTHO, Prof. Dr. Ismail Bakar pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Menurutnya, daripada 556 graduan tersebut, lulusan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik mencatat bilangan teramai iaitu 122 orang diikuti diploma Kejuruteraan Elektrik serta Pendidikan seramai 100 orang.

Lulusan lain ialah ijazah Sarjana Muda

Kejuruteraan Awam (89), Kejuruteraan Mekanikal (66), Kejuruteraan Teknologi (Tool & Die) sebanyak 17 orang dan Sarjana Muda Teknologi (Mekatronik) sebanyak 11 orang.

Bilangan penerima diploma lain pula ialah 77 orang dalam jurusan Kejuruteraan Awam serta Pendidikan dan 74 lagi adalah lulusan Kejuruteraan Mekanikal serta Pendidikan.

Dr. Ismail berkata, pada majlis konvokesyen itu akan turut diadakan istiadat pelantikan Canselor KUiTTHO pertama,

Tunku Ibrahim Sultan Ibrahim Ismail oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohammad.

Untuk pengiktirafan pelajar cemerlang pula beliau berkata, beberapa anugerah diadakan seperti anugerah pelajar terbaik, anugerah canselor dan anugerah projek Sarjana Muda.

“Kami juga mengadakan anugerah khas Hadiah Tan Sri Aishah Ghani kepada pelajar wanita cemerlang,” tambahnya.